

## POPULASI AYAT-AYAT MAHABBAH DALAM AL-QUR'AN: SATU ANALISIS AWAL

### *POPULATION OF MAHABBAH VERSES IN THE QUR'AN: AN INITIAL ANALYSIS*

**Norullisza Khosim\***

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

**Mohd Shamsul Hakim Abd Samad**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

\*Corresponding Author's Email: norulliszakhosim@usim.edu.my

---

#### **Article History:**

*Received : 16 February 2024*

*Accepted : 3 April 2024*

*Published : 25 Jun 2024*

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

#### **To cite this article:**

Norullisza, K. & Mohd Shamsul Hakim, A.S., (2024). Populasi Ayat-Ayat Mahabbah Dalam Al-Qur'an: Satu Analisis Awal. *Jurnal 'Ulwan*, 9(1), 207-216.

#### **ABSTRAK**

Mahabbah merupakan satu kurniaan perasaan daripada Allah SWT kepada setiap hamba-Nya. Hakikat sebenar mahabbah perlu difahami dengan sebaiknya agar perasaan ini tidak disalah erti dan didorong kepada perkara-perkara yang tidak dibenarkan syariat. Kefahaman terhadap mahabbah dapat dilakukan antaranya dengan cara mengetahui populasi kalimah mahabbah yang digunakan dalam kitab suci al-Qur'an. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti populasi ayat-ayat mahabbah yang terdapat dalam al-Qur'an, seterusnya menganalisis dapatan bagi mengetahui penggunaan kalimah dan kekerapan pengulangan, serta pembahagian mahabbah untuk tujuan kefahaman dan pengurusan yang sebenar menurut perspektif al-Qur'an. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian dokumen sebagai kaedah pengumpulan data dengan mengaplikasi kaedah analisis kandungan sebagai penganalisisan data. Hasil kajian memperlihatkan bahawa kewujudan kalimah mahabbah dalam kitab suci al-Qur'an dengan jumlah yang besar dan dalam pelbagai bentuk telah membawa kepada pengertiannya yang sebenar bagi kehidupan insan dan panduan serta tauladan untuk seseorang itu menguruskan perasaan ke arah mencapai kemuncak mahabbah yang dituntut syariat.

**Kata Kunci:** mahabbah, ayat-ayat mahabbah, al-Qur'an, perasaan, populasi.

## ABSTRACT

*Mahabbah is a gift of feelings from Allah SWT to each of His servants. The true nature of mahabbah needs to be understood properly so that this feeling is not misjudged and driven to things that are not allowed by the Sharia. Understanding of mahabbah can be done by knowing the population of the word mahabbah used in the Qur'an. Thus, this study aims to identify the population of mahabbah verses found in the Qur'an, then the data will be analyzed to determine the use of the words and the frequency of repetition of those words, as well as the division of mahabbah, for the purpose of real understanding and management according to the Qur'anic perspective. This study uses a document review approach as a data collection method by applying content analysis methods as data analysis. The results show that the existence of the word mahabbah in the Qur'an in large numbers and in various forms has led to its true meaning for human life and guidance for a person to manage such feelings towards reaching the peak of mahabbah as outlined by the Sharia.*

**Keywords:** *mahabbah, mahabbah verses, qur'an, feelings, population*

## 1.0 PENDAHULUAN

Mahabbah merupakan kalimah bahasa Arab yang berasal dari kata ‘*ahabba, yuhibbu, mahabbatan*’ yang bermaksud mencintai secara mendalam, kecintaan atau cinta yang mendalam (Ibn Manzur, 2003). Mahabbah menurut *Kamus Dewan* (2017) ialah cinta dan diertikan sebagai perasaan sangat sayang atau terlalu mengingini akan sesuatu. Selain itu, mahabbah didefinisikan sebagai kecenderungan hati secara menyeluruh kepada sesuatu, dan perhatian terhadapnya melebihi perhatian pada diri sendiri, jiwa dan harta (Mujetaba Mustafa, 2020).

Hakikatnya, insan dan mahabbah tidak dapat dipisahkan kerana kurniaan perasaan ini merupakan anugerah Allah SWT kepada setiap makhluk-Nya<sup>5</sup>, dan merupakan sifat tabi'i setiap insan. Menurut Badiuzzaman Said Nursi (2015a), perasaan ini merupakan suatu perasaan yang bukan pilihan tetapi dapat didorong ke arah kebaikan iaitu kepada cinta sejati. Cinta sejati merupakan keselarasan hati dengan Allah SWT, tetap dalam keadaannya, mengikuti Nabi-Nya, sentiasa berzikir dan merasakan manis dalam bermunajat kepada Allah SWT (Sahl al-Tustari, 2004).

Meskipun begitu, amat membimbangkan situasi pada masa ini kerana masih ramai yang tidak memiliki sifat cinta sejati walaupun dari segi pengakuan mereka menyatakan telah memilikinya (Yayan Mulyana, 2017). Hal ini disebabkan, konsep mahabbah atau cinta seringkali disalah ertikan oleh masyarakat (Nazneen Ismail & Mohd Noorikhwan Sarbini (2016). Salah faham terhadap konsep ini antaranya adalah disebabkan oleh media yang mampu mempengaruhi kanak-kanak (Chaton,

<sup>5</sup> “Sesungguhnya Allah SWT menciptakan rahmat pada hari penciptaan Allah SWT menciptakan 100 rahmat, kemudian Dia menahan disisi-Nya 99 rahmat, dan melepaskan untuk seluruh ciptaan satu rahmat. Jadi, jika orang kafir mengetahui seluruh rahmat yang ada pada sisi Allah SWT, maka dia tidak akan putus asa dari (mendapatkan) syurga, dan jika seorang yang beriman mengetahui seluruh bentuk azab yang ada pada sisi Allah SWT, maka dia tidak akan merasa aman dari neraka”. (Al-Bukhari).

2007), serta golongan remaja khususnya sehingga beranggapan bahawa cinta hanyalah keinginan seksual dan hubungan antara jantina. Salah faham ini seterusnya menyebabkan individu terjerumus dengan perbuatan-perbuatan yang membawa kepada kebinasaan diri dan masyarakat keseluruhannya (Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, 2012).

Melihat kepada realiti ini dan keperluan memahami konsep sebenar mahabbah serta kepentingannya sebagai pemberi motivasi kepada setiap insan dalam membentuk jati diri (Nazneen Ismail & Mohd Noorikhwan Sarbini (2016), kefahaman terhadap mahabbah perlu diperhalusi agar maksud sebenar yang digariskan syariat tidak bercanggahan dengan kefahaman kebanyakan insan, seterusnya membantu memandu insan menjalani kehidupan yang sejahtera dan harmoni.

Justeru, dalam usaha memahami konsep mahabbah dengan kefahaman yang sebenar, ianya perlu difahami dari sudut pandang yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Ia terkandung dalam wahyu yang telah diturunkan kepada Rasulullah SAW iaitu kitab suci al-Qur'an. Lantaran itu, populasi ayat-ayat mahabbah perlu diketahui kedudukannya sepertimana yang telah termaktub dalam al-Qur'an, seterusnya kefahaman menurut perspektif al-Qur'an perlu dilakukan kerana ianya merupakan sumber utama dalam menghadapi kehidupan berlandaskan syariat Islam.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan penggunaan kajian dokumen sebagai kaedah pengumpulan data dengan mengguna pakai kaedah analisis kandungan bagi penganalisaan data. Data-data yang diperolehi adalah berdasarkan kepada literatur, jurnal, dan artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian menumpukan kepada pengenal pastian ayat-ayat mahabbah berserta kata terbitan lain yang terdapat dalam al-Qur'an, seterusnya menganalisis dapatan kajian bagi mengetahui penggunaan kalimah dan kekerapan pengulangan, serta pembahagian mahabbah untuk tujuan memperoleh kefahaman yang sebenar menurut perspektif al-Qur'an.

## 3.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan memaparkan ayat-ayat mahabbah dengan perincian seperti berikut; populasi ayat-ayat mahabbah dalam al-Qur'an, penggunaan kalimah dan kekerapan pengulangan, serta pembahagian mahabbah dalam al-Qur'an.

### 3.1 Populasi Ayat-Ayat Mahabbah Dalam Al-Qur'an

Pencarian ayat-ayat mahabbah dalam al-Qur'an dalam segala bentuk *tasrif* dan *musytaqqat* menjadi fokus kajian ini. Ini kerana matlamatnya ialah mendatangkan kefahaman yang bersumberkan ayat-ayat al-Qura'n yang menyentuh tentang mahabbah secara langsung. Pengelasan populasi ayat-ayat mahabbah dapat dikenal pasti dengan merujuk kepada kitab *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfaz al-Qur'an*. Kitab ini telah dijadikan sebagai rujukan utama dalam mengeluarkan ayat-ayat yang terkait dengan mahabbah. Perincian populasi kalimah mahabbah dan segala bentuk

*tasrif* dan *musytaqqatnya* sebagaimana yang telah termaktub dalam al-Qur'an adalah sebagaimana Jadual 1.1 seperti berikut:

**Jadual 1:** Populasi Ayat-Ayat Mahabbah Dalam Al-Quran

No.	Nama Surah	Kekerapan
1.	Al-Baqarah	11 kali (ayat 165, 165, 165, 177, 190, 195, 205, 216, 222, 222, 276)
2.	Ali ‘Imran	16 kali (ayat 14, 31, 31, 32, 57, 76, 92, 119, 119, 134, 140, 146, 148, 152, 159, 188)
3.	Al-Nisa'	3 kali (ayat 36, 107, 148)
4.	Al-Maidah	8 kali (ayat 13, 18, 42, 54, 54, 64, 87, 93)
5.	Al-An'aam	2 kali (ayat 76, 141)
6.	Al-A'raaf	3 kali (ayat 31, 55, 79)
7.	Al-Anfaal	1 kali (ayat 58)
8.	Al-Taubah	6 kali (ayat 4, 7, 23, 24, 108, 108)
9.	Yusuf	3 kali (ayat 8, 30, 33)
10.	Ibrahim	1 kali (ayat 3)
11.	Al-Nahl	2 kali (ayat 23, 107)
12.	Taha	1 kali (ayat 39)
13.	Al-Hajj	1 kali (ayat 38)
14.	Al-Nuur	2 kali (ayat 19, 22)
15.	Al-Qasas	3 kali (ayat 56, 76, 77)
16.	Al-Ruum	1 kali (ayat 45)
17.	Luqman	1 kali (ayat 18)
18.	Saad	2 kali (ayat 32, 32)
19.	Fussilat	1 kali (ayat 17)
20.	Al-Syura	1 kali (ayat 40)
21.	Al-Hujuraat	3 kali (ayat 7, 9, 12)
22.	Al-Hadiid	1 kali (ayat 23)
23.	Al-Hasyr	1 kali (ayat 9)
24.	Al-Mumtahanah	1 kali (ayat 8)
25.	Al-Saf	2 kali (ayat 4, 13)
26.	Al-Qiyaamah	1 kali (ayat 20)
27.	Al-Insan	2 kali (ayat 8, 27)
28.	Al-Fajr	2 kali (ayat 20, 20)
29.	Al-‘Aadiyaat	1 kali (ayat 8)

Berdasarkan Jadual 1, taburan ayat-ayat mahabbah yang terkandung dalam kitab suci al-Qur'an dapat dikenal pasti. Jadual 1.1 menunjukkan bahawa kalimah mahabbah dan yang lainnya hadir sebanyak 83 kali (Muhammad Fuad Abd Al-Baqi, 1994) dalam 74 ayat al-Qur'an. Secara lebih terperinci, kalimah-kalimah tersebut didapati hanya dalam 29 surah berbanding jumlah keseluruhan surah al-Qur'an iaitu 114 surah dengan perincian 15 surah *Makkiyyah* dan 14 surah *Madaniyyah*. 15 surah *Makkiyyah* tersebut adalah Surah al-An'aam, al-A'raf, Yusuf, Ibrahim, al-Nahl, Taha, al-Qasas, al-Ruum, Luqman, Saad, Fussilat, al-Syura, al-Qiyamah, al-Fajr, dan al-'Aadiyat, manakala 14 surah *Madaniyyah* ialah Surah al-Baqarah, Ali 'Imran, al-Nisa', al-Maidah, al-Anfaal, al-Taubah, al-Hajj, al-Nuur, al-Hujuraat, al-Hadid, al-Hasyr, al-Mumtahanah, al-Saff, dan al-Insan, yang terkandung dalamnya kalimah mahabbah serta segala bentuk *tasrif* dan *musytaqqat* yang akan diperincikan dalam tajuk berikutnya di bawah.

### 3.2 Penggunaan Kalimah dan Kekerapan Pengulangan

Dalam al-Qur'an, kalimah *al-mahabbat* dan segala bentuk *tasrif* dan *musytaqqat* telah digunakan dalam menggambarkan mahabbah. Ringkasnya, perincian penggunaan kalimah-kalimah tersebut dan kekerapan pengulangannya adalah dalam Jadual 2 seperti berikut:

**Jadual 2:** Penggunaan dan Kekerapan Pengulangan Kalimah *Al-Mahabbat* dan Kata Terbitan Lain

No.	Kalimah	Kekerapan	No.	Kalimah	Kekerapan
1.	<i>Al-Mahabbat</i>	1	12.	<i>Tuhibbunaha</i>	1
2.	<i>Ahabba</i>	3	13.	<i>Tuhibbunahum</i>	1
3.	<i>Uhibbu</i>	1	14.	<i>Habbaba</i>	1
4.	<i>Yuhibbu</i>	41	15.	<i>Yuhbibkum</i>	1
5.	<i>Yuhibbuhum</i>	1	16.	<i>Ahbaba</i>	2
6.	<i>Yuhibbuna</i>	5	17.	<i>Yastahibbuna</i>	1
7.	<i>Yuhibbunakum</i>	1	18.	<i>Istahabbu</i>	3
8.	<i>Yuhibbunahu</i>	1	19.	<i>Hubb</i>	4
9.	<i>Yuhibbunahum</i>	1	20.	<i>Hubban</i>	3
10.	<i>Tuhibbu</i>	1	21.	<i>Hubbihi</i>	2
11.	<i>Tuhibbuna</i>	7	22.	<i>Ahibba'u</i>	1


Jadual 2 di atas memaparkan ringkasan penggunaan dan kekerapan pengulangan kalimah yang berkaitan dengan mahabbah. Terdapat sekurang-kurangnya 22 kalimah yang digunakan dengan kekerapan yang berbeza-beza bagi setiap kalimah tersebut.

Berdasarkan Jadual 2 ini, dapat dilihat bahawa kalimah (احب) disebut hanya sekali sahaja iaitu dalam ayat 39 Surah Taha. Selain itu, kalimah 'yuhibbu' menunjukkan pengulangan yang paling tinggi disebut dalam kitab suci al-Qur'an

iaitu sebanyak 41 kali, diikuti kalimah ‘*tuhibbuna*’ dengan kekerapan sebanyak tujuh kali pengulangan, kalimah ‘*yuhibbuna*’ sebanyak lima kali, kalimah ‘*hubb*’ empat kali dan tiga kali kekerapan pengulangan bagi kalimah ‘*ahabba, istahabbu, hubban*’. Selain itu, kalimah ‘*ahabba*’ dan ‘*hubbihi*’ masing-masing menunjukkan sebanyak dua kali pengulangan, dan hanya sekali sahaja pengulangan dalam baki kalimah-kalimah yang lain.

### 3.3 Pembahagian Mahabbah Dalam Al-Qur'an


Berdasarkan kepada ayat-ayat yang telah dijelaskan dalam Jadual 1, ayat-ayat tersebut telah diteliti setiap satunya berdasarkan maksud serta tafsirannya. Hakikatnya, ayat-ayat mahabbah dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu; pertama, ayat-ayat mahabbah; dan kedua, ayat-ayat mahabbah dengan gandingan *laa al-nafiyah* (penafian yang membawa maksud tidak). Daripada 74 ayat al-Qur'an tersebut, sebanyak 49 ayat terdiri dalam kategori pertama, manakala 25 ayat terdiri dalam kategori kedua sebagaimana Rajah 1 di bawah;



**Rajah 1**  
Dua Kategori Ayat-Ayat Mahabbah Dalam Al-Qur'an

Berdasarkan Rajah 1, jelas dinyatakan bilangan ayat bagi kedua-dua kategori iaitu 49 ayat bagi kategori pertama, manakala 25 ayat bagi kategori kedua. Disebutkan antara hikmah penggunaan gandingan *laa al-nafiyah* dengan 25 ayat mahabbah seperti yang dipaparkan ialah, Allah SWT tidak pernah mengungkap kalimah benci terhadap sesuatu perlakuan atau tindakan hamba-hamba-Nya walaupun hakikatnya Allah SWT membenci perkara-perkara tersebut (Nik Roskiman Abdul Samad, 2019). Hal ini jelas disebutkan dalam 25 ayat mahabbah dengan penggunaan ayat “إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ” yang bermaksud “sesungguhnya Allah SWT tidak menyukai atau mencintai”. Daripada 25 ayat mahabbah tersebut, didapati tiada kalimah ‘benci’ yang digandingkan dan digunakan bagi merujuk sifat Allah SWT terhadap hamba-hamba-Nya yang tidak taat kepada perintah-Nya dan dalam perihal kemaksiatan.

Kesemua ayat yang telah dikenal pasti ini kemudiannya ditentukan tematemanya. Penelitian terhadap beberapa kitab tafsir turut dilakukan terlebih dahulu bagi penentuan tema ayat-ayat terkumpul. Secara ringkas, pembahagian ini dapat difahami sepetimana dalam Rajah 1 seperti berikut:



**Rajah 2**  
Pembahagian Mahabbah Menurut Al-Qur'an

Rajah 2 memaparkan pembahagian mahabbah menurut perspektif al-Qur'an kepada dua tema utama. Pertama, cinta Allah SWT, dan kedua, cinta insan. Tema pertama iaitu cinta Allah SWT dapat dibahagikan pula kepada dua bahagian. Pertama, golongan dan sifat yang disukai Allah SWT, dan kedua, golongan dan sifat yang tidak disukai Allah SWT. Selain itu, bagi tema kedua iaitu cinta insan, dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, jenis cinta atau perkara yang disukai, dan kedua, jenis cinta atau perkara yang tidak disukai.

Pembahagian yang terdapat dalam Rajah 2 memberikan beberapa kesimpulan penting untuk diperhatikan iaitu:

- i. Kesemua ayat-ayat mahabbah berkaitan dengan Allah SWT sama ada secara langsung atau tidak langsung menunjukkan kesemuanya adalah ciptaan dan kurniaan daripada Allah SWT.
- ii. Mahabbah terdiri daripada dua bentuk iaitu; pertama, mahabbah yang berhubungan dengan hubungan antara Pencipta dengan makhluk yang terbahagi kepada dua. Pertama, cinta Allah SWT kepada makhluk dan cinta makhluk kepada Allah SWT. Kedua, cinta yang berhubungan dengan hubungan antara makhluk dengan makhluk yang lain. Contoh ayat, Surah Ali-Imran: 14 & 31.
- iii. Meski pun mahabbah terdiri daripada dua bentuk, namun penting untuk menjadikan asas pembinaan mahabbah bagi kedua-duanya bersandarkan kepada matlamat yang satu iaitu memenuhi kehendak Allah SWT. Oleh kerana itu, setiap bentuk mahabbah yang terbit mestilah disandarkan kepada Allah SWT, sama ada dari segi perasaannya mahu pun tindakan yang terhasil darinya. Inilah kemuncak bagi mahabbah yang membawa seseorang merasai kemanisannya seperti yang telah diperingatkan oleh Nabi SAW dalam hadisnya:

ثَلَاثٌ مَّنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوةً إِلِيمَانٍ أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ  
مِمَّا سَوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ الْمُرْءَةُ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا اللَّهُ وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ  
كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْدَفَ فِي النَّارِ

“Tiga perkara yang apabila ada pada diri seseorang, ia akan mendapatkan manisnya iman: Dijadikannya Allah dan Rasul-Nya lebih dicintainya dari selain keduanya. Jika ia mencintai seseorang, dia tidak mencintainya kecuali kerana Allah, dan dia benci kembali kepada kekufturan seperti dia benci bila dilempar ke neraka” (Al-Bukhari, No. Hadis: 16).

Bahkan ia turut mempengaruhi kesempurnaan iman itu sendiri seperti ungkapan sahabat Nabi SAW, Abu Umamah RA yang disandarkan kepada Nabi SAW:

من أحب الله، وأبغض الله، وأعطي الله، ومنع الله، فقد استكمل الإيمان

“Barangsiapa yang berkasih sayang kerana Allah, dan membenci kerana Allah, memberi kerana Allah dan tidak memberi kerana Allah, maka sesunguhnya imannya telah sempurna” (Abu Daud, No. Hadis: 4681).

- iv. Dalam menjelaskan bentuk mahabbah yang dibenarkan Allah SWT, dihadirkan bersama bentuk mahabbah yang dilarang oleh Allah SWT sebagai panduan buat hamba-hamba-Nya dalam pengurusan perasaan ini.
- v. Tiada mahabbah yang boleh melebihi atau menyalahi mahabbah kepada Pencipta-Nya dan segala yang dicintai-Nya. Contoh ayat, Surah Al-Taubah: 23.
- vi. Mahabbah memiliki kaitan yang kuat dengan keimanan seseorang. Contoh ayat: Surah Al-Baqarah: 165.
- vii. Rasa cinta dan benci yang sebenar bagi seorang insan kepada sesuatu perkara terkadang bercanggahan dengan apa yang dirasakan. Contoh ayat: Surah Al-Baqarah: 216.

#### 4.0 PENUTUP

Keseluruhan mahabbah dalam al-Qur'an dengan segala bentuk *tasrif* dan *musytaqqatnya* adalah merupakan satu kurniaan Allah SWT sebagai panduan kepada setiap insan bagi memahami maksud sebenar menerusi kaca mata Pencipta-

Nya. Kurniaan perasaan ini bukanlah sesuatu yang dikeji atau dibenci secara mutlak, sebaliknya mengandungi hikmah yang sangat tinggi. Namun, setiap bentuk mahabbah yang dikurniakan Allah SWT, hendaklah diuruskan sepertimana panduan dalam al-Qur'an menurut kepada keutamaan-Nya antara satu sama lain dan kaedah menguruskannya dengan betul. Sesuatu kecintaan yang memberi keburukan dan kemudaran, juga dengan niat berbangga-bangga, angkuh dan sompong, maka kecintaan itu termasuk dalam kategori kecintaan yang tercela, berlainan dengan kecintaan yang memberi kebaikan, juga dengan niat menurut segala perintah Allah SWT dan Rasul-Nya, maka kecintaan ini termasuk dalam kategori kecintaan yang terpuji (Said Nursi, 2015a). Kegagalan dalam mengurus mahabbah menurut panduan yang telah digariskan al-Qur'an akan membangkit perasaan yang berlawanan dengannya iaitu *al-bughd* atau *al-bagheda'* (kebencian), selain terbit bentuk mahabbah yang tidak disukai Allah SWT, seterusnya menyebabkan perlakuan-perlakuan negatif yang mengundang kemurkaan Allah SWT. Sebaliknya, jika mahabbah ini diurus mengikut garis panduan yang telah ditetapkan, seseorang itu dapat membentuk diri dengan keperibadian yang mulia serta tergolong dalam golongan yang telah dinyatakan dalam ayat-ayat yang telah dihuraikan dalam perbincangan di atas.

### Sumbangan Pengarang

Norullisza, K., Abstrak, pendahuluan, metodologi kajian, dapatan kajian dan perbincangan (populasi ayat-ayat mahabbah dalam al-Qur'an, penggunaan kalimah dan kekerapan pengulangan), rujukan dan suntingan draf akhir. Mohd Shamsul Hakim, A. S., Pembahagian Mahabbah dalam al-Qur'an dan penutup.

### Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

### RUJUKAN

- Al-Qur'an
- Al-Bukhari, M.I. (1987). *Al-Jami' Al-Sohih Al-Mukhtasar*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Sajastani, A.D.S.A.A. (1430H/2009M). *Sunan Abi Daud*. Tahqiq Syuaib al-Arnaut, Cetakan Pertama, Beirut: Dar Al-Risalah Al-'Alamiah.
- Al-Tustari, S. A. (2004). *Tafsir Al-Qur'an Al-'Adzim*. Pentahqiq: Taha 'Abdul Rauf Sa'ad & Sa'ad Hasan Muhammad 'Ali. Kaherah: Dar Al-Haram Li Al-Turath.
- Abdul Baqi, M.F. (1994). *Al-Mu'jam Al-Mufahras Li Al-Alfaz Al-Qur'an*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Abdul Samad, N. R. (2019). *Cintakan Tanah Air Dituntut Agama*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/08/601997/cintakan-tanah-air-dituntut-agama>
- \_\_\_\_\_. (2015). *Sirah Al-Dzatiyyah*. Terjemahan: Ihsan Qasim al-Salihi. Kaherah: Sozler Publications.

- Chaton, B. A. (2007). *Sex, Love, and The Media: Who Is Teaching What to Children in The Middle?* Tesis Doktor Falsafah Pendidikan, Universiti La Verne.
- Ismail, N. & Sarbini, M. N. (2016). Cinta dan Kehidupan: Ungkapannya Dalam Al-Quran. *Prosiding International Conference On Aqidah, Dakwah And Syariah (IRSYAD 2016)*.
- Kamus Dewan Edisi Empat. (2017). *Mahabbah*. Diakses daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=mahabbah>
- Kathir, I. A. A. F. I. (1998). *Tafsir Al-Qur'an Al-Adzim*. Beirut: Dar Al-Arqam bin Abi Al-Arqam.
- Manzur, J. M. M. (2003). *Lisan Arab*. Beirut: Dar Al-Sodir.
- Mulyana, Y. (2017). Konsep Mahabbah Imam Al-Tustari. *Syifa Al-Qulub*. Vol 1(2), 113-121.
- Mustafa, M. (2020). Konsep Mahabbah Dalam Al-Qur'an. *Jurnal Al-Asas*. Vol 4(1), 41-53.
- Nazirah, S. (2012). *Kefahaman Remaja Melayu Terhadap Konsep Cinta Dalam Islam dan Hubungannya dengan Pemikiran Rasional dan Akhlak Percintaan*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nursi, B. S. (2015). *Al-Kalimat*. Terjemahan: Ihsan Qasim al-Salihi. Kaherah: Sozler Publications.